

# Menjalinkan Hubungan dengan para Keluarga



Menghidupkan Kerangka Pembelajaran Tahun-Tahun Awal (Early Years Learning Framework) di dalam masyarakat anda

Projek Sumber-Sumber Berdasarkan Praktik bagi Kerangka Pembelajaran Tahun-Tahun Awal (*Early Years Learning Framework Practice Based Resources*) ini telah dibiayai oleh pihak Kerajaan Australia melalui Jabatan Pendidikan, Pekerjaan dan Hubungan Tempat Kerja (Department of Education, Employment and Workplace Relations). Sumber-sumber ini telah dibangunkan bersama dengan Koperasi Penjagaan Kanak-Kanak Masyarakat Berhad (Community Child Care Co-operative Ltd) (NSW) bagi menyediakan khidmat sokongan untuk para pendidik tahun-tahun awal kanak-kanak dalam melaksanakan *Early Years Learning Framework*.



Dengan pengecualian Jata Komanwel, iaitu logo Jabatan ini, sebarang bahan yang terlindung sebagai tanda jenama dan di mana-mana ianya dinyatakan sebaliknya, kesemua bahan yang disampaikan di dalam dokumen ini adalah disediakan di bawah lesen Creative Commons Attribution 3.0 Australia (<http://creativecommons.org/licenses/by/3.0/au/>).

Butir-butir mengenai syarat-syarat lesen berkenaan boleh didapati pada laman web Creative Commons (yang boleh dilalui melalui pautan yang disediakan), begitu juga kod undang-undang penuh bagi lesen CC BY 3.0 AU (<http://creativecommons.org/licenses/by/3.0/au/legalcode>).

Dokumen ini mesti dirujuk sebagai *Early Years Learning Framework Practice Based Resources - Connecting with families: Bringing the Early Years Learning Framework to life in your community*.

ISBN: 978-0-9873543-1-0

Sebagai para pendidik awal kanak-kanak, menjalinkan hubungan sememangnya tersemat di dalam hati sanubari segala apa yang kami lakukan.

Penjalinan hubungan yang ikhlas dan positif dengan kanak-kanak, keluarga dan antara diri kita sendiri amat penting sekiranya kami ingin mencapai hasil-hasil keputusan yang positif.

Apabila kita memikirkan mengenai hubungan, lazimnya hubungan dengan kanak-kanaklah yang seringkali timbul di mata hati kami. Walaubagaimanapun begitu, penjalinan hubungan dan persahabatan rakan-kongsi yang kita binakan dengan para keluarga mereka juga tidak kurang penting nilainya.

Bekerja dengan para ibu-bapa sekalian adalah sesuatu yang amat berbaloi, mencabar dan senantiasa dipenuhi dengan berbagai peluang untuk dikecapi.

Hasil-hasil keputusan yang terbaik bagi kanak-kanak berkenaan lazimnya terjadi apabila para pendidik dan ahli keluarga mereka bekerjasama:

**“Kanak-kanak berkembang maju apabila para keluarga dan pendidik bekerjasama di dalam sebuah jalinan persahabatan yang menyokong pembelajaran kanak-kanak kecil”.**

*(Early Years Learning Framework, hlm.9)*





“Apabila anda mendaftarkan seorang kanak-kanak, anda sebenarnya sedang mendaftarkan sebuah keluarga”<sup>1</sup>

Kanak-kanak tidak wujud di dalam keadaan yang terasing.

Pertama dan paling utama sekali, setiap kanak-kanak merupakan salah-seorang ahli di dalam sesebuah keluarga. Ibu-bapa dan anggota keluarganya yang lain merupakan para pendidik yang pertama dan paling penting bagi kanak-kanak tersebut.

Apabila kita bekerja dengan seseorang kanak-kanak, kita juga sedang bekerja dengan keluarga mereka, dan seringkalinya, dengan masyarakat umum juga.

Kita mesti berfikir mengenai cara bagaimana kami menyediakan peluang-peluang yang sebenarnya bagi para keluarga mereka sekalian untuk melibatkan diri mereka di dalam, sambil menyumbang kepada, pembelajaran kanak-kanak mereka.

Sebelum penglibatan sebegini dapat dilaksanakan, kami perlu berfikir mengenai cara bagaimana kami boleh membantu para keluarga yang terlibat untuk merasai juga sebahagian daripada apa yang kita lakukan.

<sup>1</sup> Intoual, A., Kameniar, B. & Bradley, D. (2009) Bottling the good stuff: stories of hospitality and yarnin' in a multi-racial kindergarten. *Australasian Journal of Early Childhood Education*, 34 (2), 24-30.



Perasaan penerimaan adalah sama pentingnya bagi para ahli keluarga mereka sebagaimana ianya penting juga bagi kanak-kanak yang berada di bawah penjagaan kami.

Perasaan penerimaan dan dialu-alukan adalah mustahak bagi para keluarga untuk berasa selesa semasa mereka berada di dalam perkhidmatan kami, lebih-lebih lagi bagi memupuk perasaan bahawa mereka boleh menyumbang juga kepada apa yang sedang kita lakukan.

Cara bagaimana para ahli keluarga sekalian bertindak terhadap hal ini akan menjadi panduan teladan bagi kanak-kanak. Jika para keluarga merasakan kegembiraan dan bahawa mereka disambut baik, justeru kanak-kanak akan berasa begitu juga.



Oleh kerana kita tahu bahawa penglibatan keluarga adalah sesuatu yang amat penting, kami kadangkalanya mempunyai banyak harapan terhadap mereka. Kami meminta keluarga-keluarga berkenaan untuk memberikan maklum-balas ke atas dasar-dasar dan kaedah-kaedah kami, atau untuk seringkali menyumbang kepada program kami. Maklum-balas dan cadangan sebegini amat penting, tetapi jika kami mengharapkan para keluarga ini untuk mengambil-bahagian hanya secara rasmi sebegini, kami pasti akan dihampakan. Penjalinan hubungan yang berjaya haruslah berdasarkan perasaan saling hormat-menghormati dan faham-memahami. Terdapat berbagai cara bagaimana mereka boleh terlibat di dalam usaha kami, dan kami perlu mendengar dan kemudiannya belajar mengenai cara yang terbaik untuk melibatkan para keluarga sekalian di dalam kerja-kerja kami.

Jalinan hubungan dari sehari-ke-sehari kami dengan para ahli keluarga sekalianlah yang memberikan kami peluang untuk membina asas bagi jalinan hubungan yang berjaya.

Apabila kami menunjukkan minat yang ikhlas dalam usaha kami untuk mengenali setiap kanak-kanak dengan lebih dekat, dan dengan keluarga mereka sebagai individu, kami akan mewujudkan sebuah perasaan penerimaan dan jalinan hubungan.

Penjalinan hubungan yang positif jelasnya terbina atas titik-titik hubungannya.

Sebagai pendidik awal kanak-kanak, kami sudahpun menjalinkan sebuah titik hubungan yang amat jelas dengan setiap ahli keluarga mereka – iaitu anak mereka sendiri.

Bagi membina sebuah jalinan hubungan yang ikhlas, kita perlu meluangkan masa untuk mengadakan perbincangan yang bermakna bersama keluarga-keluarga yang berkenaan mengenai anak mereka.





Apabila para keluarga mengamanahkan kami dengan penjagaan anak mereka, mereka ingin tahu, terutamanya sekali, yang kami adalah seorang yang penyayang dan boleh dipercayai – dan bahwa anak mereka akan berada di dalam keadaan yang baik sewaktu mereka bersama kami.



Para keluarga sekalian juga ingin melihat bahwa kami sememangnya mengenali anak mereka; yakni kami sememangnya tahu apa yang mereka suka dan tidak suka; dan yang kami ini telah meluangkan masa untuk mengenali anak mereka dengan lebih dekat sebagai individu.



Para keluarga sekalian ingin melihat bahwa kami memiliki kemahiran dan pengetahuan mengenai cara yang paling baik bagi anak mereka untuk menghasilkan kejayaan yang terbaik.



Apabila kami berbual-bual dengan para keluarga sekalian, ianya amat mustahak bagi kami untuk melangkaui lingkungan perbualan seharian dan ucapan lazim semata-mata, kerana ini akan membenarkan kami untuk membina jalinan hubungan dan persefahaman yang lebih mendalam. Inilah peluangnya bagi kami untuk menunjukkan kepada keluarga-keluarga berkenaan bahawa kami memang mengenali anak mereka dan kami memang tahu apa yang kami sedang lakukan.

Jika perbualan kami hanya terhad kepada “Sarah menikmati hari yang baik hari ini” atau “Toby suka betul bermain di dalam sandpit (kotak pasir)”, pastinya para keluarga berkenaan tidak akan memahami apa yang sebenarnya kita lakukan. Apabila kita meluangkan masa untuk mengadakan perbincangan yang lebih mendalam mengenai minat-minat dan pembelajaran seseorang kanak-kanak, ianya memberikan keluarga mereka pandangan yang lebih jelas ke dalam kegiatan seharian anak-anak mereka, selain daripada kepentingan peranan kita sebagai pendidik anak mereka.



Jalinan hubungan adalah sesuatu perkara yang kompleks. Jika kita mengimbuai kembali jalinan hubungan mencabar yang pernah kami alami dengan sesebuah keluarga, maka ianya pasti mengingatkan kita mengenai betapa pentingnya bagi kami untuk membinakan jalinan hubungan yang positif.

Jalinan hubungan dengan para keluarga berkenaan cukup berharga dan memuaskan hati, khususnya apabila kami bekerja seiring dengan penjalinan hubungan ini dalam usaha kami untuk menyokong pembelajaran kanak-kanak tersebut. Dengan berusaha untuk mencari peluang bagi kami untuk berbual-bual dengan para keluarga sekalian dan sama-sama berkongsi maklumat mengenai anak mereka, kami dapat membina jalinan hubungan yang saling percaya-mempercayai yang justerunya akan memberi kanak-kanak dan keluarga mereka sebuah perasaan penerimaan yang pasti.



Jika kami benar-benar ingin melaksanakan tugas kami dengan sebaik mungkin di dalam kerja-kerja kami dengan kanak-kanak, maka jalinan hubungan kami dengan keluarga mereka tidak boleh dianggap hanya sebagai sesuatu pilihan sampingan semata-mata. Meluangkan masa untuk membina jalinan hubungan dengan para keluarga sekalian merupakan sebuah kewajipan.

# Menjalinkan hubungan

Kadangkalanya, perkara yang paling mudahlah yang akan menghasilkan perubahan yang paling besar.

- **Bertegur-sapalah dengan seikhlas hati** – Bertegur-sapa cukup mustahak. Walaupun anda mungkin sudah pun mengatakan ‘Hello’ lebih daripada dua puluh kali, biarlah setiap kali anda mengucapkannya terasa seperti ianya adalah kali pertama anda menuturkannya. Sudah pasti mereka akan menghargai ucapan mesra anda ini.
- **Ingatkanlah nama-nama orang** – Apabila anda menggunakan nama mereka tatakala anda bercakap dengan seseorang, ianya akan menjalinkan hubungan segera dan juga menunjukkan minat anda terhadap mereka sebagai seorang individu.
- **Mulakanlah langkah pertama** – Janganlah hanya tunggu sehingga para keluarga sekalian mendekati anda. Mereka akan berasa lebih selesa dan senang hati jika andalah yang mengambil langkah pertama untuk menegur-sapa dan memulakan perbualan dengan mereka – khasnya jika mereka berasa segan atau gentar sebelum itu.
- **Berkongsilah sesuatu mengenai kegiatan harian anak mereka** – Di dalam perbualan anda dengan para ahli keluarga mereka, carikanlah sesuatu yang menarik untuk dikongsi mengenai kegiatan harian anak mereka. Ini bererti bukan hanya sekadar berkata mereka “telah menikmati hari yang baik hari ini”, tetapi carikanlah sesuatu yang menunjukkan bahwa anda memang berminat di dalam apa yang telah dilakukan oleh anak mereka. Bagi para keluarga sekalian, ianya membawa kesan yang berpanjangan bagi mereka untuk merasai bahwa anda benar-benar berperihatin dan mempunyai minat terhadap anak mereka.
- **Bersedialah untuk mendengar selain daripada berkata-kata** – Para keluarga sekalian akan lebih menghormati dan menghargai kami sebagai pendidik kalau kita menunjukkan kepada mereka bahwa kami menghargai idea dan pandangan mereka. Jalinan hubungan yang ikhlas memerlukan kita untuk bertolak-ansur – bukannya sekadar satu pihak berkata-kata kepada pihak lain yang mendengar sahaja.
- **Letakkanlah anda di dalam keadaan mereka** – Ianya cukup senang bagi kami untuk memandang serong terhadap orang lain. Tetapi sebelum anda berbuat demikian, cuba letakkanlah anda di dalam keadaan mereka buat seketika. Fikirlah bagaimana rasanya jika ianya anda yang berada di dalam keadaan mereka. Para keluarga sekalian hanya sedang berusaha sedaya-upaya mereka untuk melakukan yang terbaik bagi anak-anak mereka. Fikirkanlah mengenai cara bagaimana anda boleh membantu mereka untuk mencapai matlamat ini.

# Sudut Pandangan Ibu Bapa

“Sebagai seorang pendidik awal kanak-kanak, saya sebelum ini berpendapat bahwa saya memiliki hubungan yang baik dengan para keluarga kanak-kanak di bawah jagaan saya. Saya masih berasa begitu, tetapi setelah saya mempunyai anak saya sendiri, saya telah memperolehi sebuah sudut pandangan yang berlainan mengenai apakah ertinya dan betapa pentingnya hubungan antara para ibu bapa dan pendidik.



Sebagai seorang ibu atau bapa, saya mahu tahu bahwa anak saya sedang dijaga dengan sepatutnya – bahwa memang senantiasa ada seorang untuk menjaganya, mendampingiya bila dia sedih, dan juga berkongsi perasaan kegembiraan dengannya apabila dia menemui sesuatu yang baru atau melakukan sesuatu buat pertama kalinya.

Sebagai seorang ibu atau bapa, saya mahu berasa bahwa saya memang dialu-alukan mulai daripada saat saya melangkah masuk ke sini – saya mahu seorang untuk menegur-sapa saya dan anak saya juga dengan senyuman ikhlas. Saya memang sedar, kerana saya sudah pun mengalaminya sendiri, bahwa kadangkalanya keadaan akan menjadi terlalu sibuk, tetapi kini saya juga amat memahami betapa pentingnya bagi seseorang untuk meluangkan masa untuk memberitahu saya sesuatu yang bermakna mengenai hari tersebut bagi anak saya, dan untuk menunjukkan kepada saya bahwa dia memang benar-benar ‘memahami’ anak saya – yakni dia tahu apa yang anak saya suka dan tidak suka, apakah yang dapat dan tidak dapat dilakukannya, apa yang dia akan dan juga tidak mahu makan – ringkasnya, semua butir-butir kecil yang membentuk kejatian dirinya sendiri.


Akhir sekali, saya mahu berasa bahwa anda sememangnya benar-benar berperihatin terhadap kemajuannya – dan bahwa kita sama-sama memikirkan mengenai masa hadapannya dan juga ingin membimbingnya ke arah tersebut. Saya cukup sedar bahwa ianya lebih sukar bagi anda, kerana anda terpaksa memberikan perhatian kepada ramai kanak-kanak, manakala saya pula hanya memikirkan mengenai anak saya sahaja. Tetapi hakikatnya, butir-butir kecil daripada kegiatan sehariannyalah yang menunjukkan saya bahwa anda memang benar-benar berperihatin terhadapnya, dan walaupun di tengah kesibukan di sekeliling anda, anda masih mengenali anak saya, diri saya sendiri, dan keluarga saya; kesemua ini memberikan saya perasaan kebahagiaan yang tidak terhingga kerana saya akan merasai bahwa kita benar-benar berada pada landasan tuju-hala yang sama”.







# a time to be **TOGETHER**



Booklet produced by SMARTC  
Residential Indigenous Family and  
Children's Behavioural Centre (RIFC)  
in partnership with the NSW  
Family Action Centre (FAC)  
funded by the Australian  
Government Department of  
Community Services

SmartC is a  
NSW Government  
Department of  
Community Services  
Initiative



